



Christina tetapkan misi bawa lebih ramai pelancong ke Sabah

Oleh Rafiqah Dahali - Januari 12, 2023 @ 9:49am
bhnews@bh.com.my

KOTA KINABALU: Menerajui semula Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KePKAS) Sabah, Datuk Christina Liew menetapkan visi dan misi untuk membawa lebih ramai pelancong ke Sabah.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Api-Api itu berkata, beliau menjangkakan 2023 akan menjadi tahun yang baik untuk kementerian, berikutan adanya pasaran yang rancak untuk pembangunan pelancongan selanjutnya.

"Bermula tahun 2023, saya menantikan tahun yang sibuk, mengujakan dan mencabar untuk industri pelancongan di Sabah.

"Pada minggu hadapan, saya akan bertemu dengan pembantu menteri, setiausaha tetap dan pegawai kanan kementerian.

"Saya juga akan bertemu dengan pemain industri pelancongan bagi merancang pelan untuk Sabah," katanya dalam satu kenyataan media.

Menurutnya, sebelum pandemik COVID-19 melanda dunia, Sabah merekodkan kedatangan kira-kira 4.3 juta pelancong.

Katanya, lebih separuh daripada pelancong itu adalah pelancong dari China sepanjang tempoh perkhidmatan beliau dari 2018 hingga 2020 di bawah kerajaan pimpinan Parti Warisan (WARISAN).

"Tidak lama kemudian, terdapat perubahan kerajaan dan kemudian disusuli dengan pandemik COVID-19, jadi pasaran (pelancongan di Sabah) sangat senyap.

"Kini apabila keadaan sudah reda, saya percaya sektor pelancongan akan menghasilkan momentum yang lebih besar lagi," katanya.

Semalam, Christina adalah salah seorang dari ADUN Pakatan Harapan (PH) Sabah selain ADUN Luyang, Phoong Jin Zhe yang dilantik menjadi menteri dalam majlis istiadat mengangkat sumpah di Istana Seri Kinabalu, semalam.

Sebelum ini, ADUN Sukau (BN-UMNO), Datuk Jafry Ariffin menerajui KePKAS sebelum rombakan kabinet kerajaan negeri baharu dilakukan susulan kemelut politik yang melanda Sabah, baru-baru ini.